

BB202

R GB 19-07 00247

aab

Asean - Mahathir '''

I

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini menyarankan agar Asean menerokai inisiatif dan idea baru bagi meningkatkan kerjasama ekonomi di kalangan negara anggotanya selaras dengan pencapaiannya yang begitu berkesan dalam kerjasama politik dan diplomatik.

Prestasi Asean dalam menangani soal ekonomi perlu ditingkatkan lagi dan keenam-enam negara anggota kumpulan itu perlu menilai semula tumpuannya dalam kerjasama ekonomi sesama mereka dan juga dengan negara luar dalam bidang-bidang yang penting seperti perdagangan antara wilayah, katanya semasa merasmikan Mesyuarat Peringkat Menteri Asean (AMM) ke-24 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini.

Mesyuarat dua hari itu dihadiri oleh Menteri-menteri Luar dari enam negara anggota Asean terdiri daripada Indonesia, Thailand, Malaysia, Filipina, Singapura dan Brunei Darussalam. Ia akan diikuti dengan persidangan tiga hari dengan tujuh negara rakan dialog Asean terdiri daripada Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Kesatuan Eropah, Korea Selatan, Australia dan New Zealand.

Soviet Union dan China yang menghadiri perasmian AMM buat pertama kalinya masing-masing menghantar Timbalan Perdana Menteri Pertama Yuri Maslyukov dan Menteri Luar Qian Qichen.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata bahawa pada ketika Asean tidak sepatutnya menjadi blok perdagangan dan setiap negara anggota kumpulan itu mesti kekal bebas berdagang dengan negara-negara lain, usaha mestilah ditingkatkan untuk mengukuhkan integrasi wilayah kerana dengan ekonomi yang kuat, Asean akan mempunyai suara yang lebih besar dalam perundingan antarabangsa bagi mendapatkan syarat-syarat perdagangan yang adil dengan negara-negara maju. --
Lagi

♥19/07/15-07MST

CNS4730

U GB 19-07 00154 BB205

aab

Asean - Mahathir 2 Kuala Lumpur '''

Perdana Menteri berkata: +Kita perlu mengukuhkan kerjasama politik melalui kaedah ekonomi+.

Beliau berkata, Asean perlu bekerja ke arah menjayakan perdagangan bebas yang lebih bermakna di kalangan negara anggota untuk membawa kerjasama ekonomi kepada tahap yang tinggi dan mengukuhkan hubungan perdagangan dengan negara-negara dan rantau lain.

Terdapat banyak ruang untuk meningkatkan pengaliran perdagangan, mewujudkan pasaran yang lebih luas bagi industri-industri sokongan, menggalakkan penyertaan yang lebih luas di kalangan sektor swasta, memperluaskan dan memberi lebih dorongan kepada usahasama industri Asean.

Datuk Seri Dr Mahathir juga menyokong cadangan Perdana Menteri Thai Anand Panyarachun mengenai penubuhan satu Kawasan Perdagangan Bebas Asean pada abad akan datang.

+Saya melihat penubuhan sebuah Kawasan Perdagangan Bebas Asean sebagai wajar walaupun terdapat banyak faktor struktur yang menghalang integrasi ekonomi kita seperti perbezaan paras pembangunan ekonomi dan pesaing-pesaing kita dalam ekonomi,+ katanya. -- Lagi

♥19/07/11-08MST

CNS4757

U GB 19-07 00194 BB206

aab

Asean - Mahathir 3 Kuala Lumpur '''

Walaupun perbezaan pandangan mengenai faedah jangka pendek dan jangka panjang di kalangan setiap negara Asean merupakan +isu yang sulit+, yang menyebabkan mereka sukar membuat pilihan, tetapi Asean perlu membuat satu pilihan jika ia mahu dianggap sebagai satu kuasa ekonomi.

Negara-negara anggota Asean, sebagai sebuah rantau ekonomi yang pesat berkembang, tidak boleh terus menggunakan pendekatan berasingan untuk mencapai perdagangan liberal di kalangan mereka, katanya.

Tetapi Datuk Seri Dr Mahathir yakin halangan-halangan perdagangan yang ada dalam rantau ini tidak akan lagi wujud atau sesuai menjelang suku pertama abad ke-21 kerana menjelang tempoh itu, perbezaan ekonomi antara negara-negara anggota akan dapat dikurangkan.

+Pasaran luar dan dalaman bagi keluaran Asean akan dapat diperluaskan dan dengan itu menjadikan masalah persaingan ekonomi tidak lagi sesuai,+ katanya merujuk kepada pasaran rantau ini yang mempunyai penduduk sebanyak 250 juta orang.

Untuk menentukan haluan pertumbuhan pada masa depan, bukan sekadar wawasan dan jangkaan yang diperlukan -- Asean memerlukan lebih daripada keberanian dan pergabungan untuk memastikan objektifnya tercapai dalam tempoh yang ditetapkan. +Kita perlu berazam untuk mencapai matlamat yang bukannya mustahil,+ katanya. -- Lagi

♥19/07/11-31MST

U GB 19-07 00188 BB208

aab

Asean - Mahathir 4 Kuala Lumpur '''

Dengan mengambil paras perdagangan yang tidak memuaskan antara negara-negara anggota Asean sebagai contoh, beliau berkata jumlah perdagangan dan pelaburan antara wilayah masih kekal pada paras yang rendah, iaitu hanya 20 peratus daripada jumlah perdagangan rantau ini, walaupun jumlah keluaran yang menikmati keutamaan daripada perjanjian perdagangan telah meningkat.

Datuk Seri Dr Mahathir berkata, di samping negara-negara anggota Asean meminta rakan-rakan dialog mereka mengenakan syarat perdagangan yang lebih saksama, mereka sendiri harus menunjukkan usaha positif sendiri.

+Saya yakin bahawa satu kawasan perdagangan Asean yang liberal akan menjadi sumber kekuatan bagi kita dalam dunia perdagangan pelbagai hala yang lebih luas,+ katanya.

Tetapi Datuk Seri Dr Mahathir menjelaskan bahawa beliau hanya menganjurkan satu bentuk integrasi ekonomi Asean yang lebih luas dan bukan satu blok perdagangan.

+Jauh sekali daripada itu. Pergantungan dan pandangan kita kepada pihak luar menyulitkan kita untuk berdikari dan memandang ke dalam,+ katanya.

Perdana Menteri berkata, adalah tidak logik bagi Asean untuk menolak sistem perdagangan pelbagai hala yang menjadi punca bagi kemakuran ekonomi negara-negara anggota kumpulan itu. -- Bernama